


# NEWSLETTER

## 1. Latihan Pemantauan Projek Majlis Bandaraya Diraja Klang


06/11/2024 (RABU)



Sesi latihan pemantauan projek di Majlis Bandaraya Diraja Klang telah berlangsung selama dua hari sehingga 7/11/2024. Sesi latihan ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan sepenuhnya kepada pegawai yang terlibat termasuk pegawai IT MBDK tentang sistem Pemantauan Projek tersebut. Sesi ini telah dihadiri oleh beberapa orang wakil CTSB iaitu Syahirah, Habibah, Syafaizah, Rahimie, Hazizi dan Aina.

## 2. Simulasi Lesen e-khidmat Majlis Bandaraya Johor Bahru

06/11/2024 (RABU)



Pada 6/11/2024, simulasi lesen eKhidmat telah berlangsung di Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB). Simulasi ini adalah berdasarkan permintaan penambahbaikan di eKhidmat bahagian lesen daripada pihak MBJB. Sesi ini telah dihadiri oleh pegawai IT dan pegawai dari bahagian lesen MBJB. Sesi tersebut juga telah dihadiri oleh beberapa orang wakil dari CTSB JB iaitu Suhana, dan Fozuayanis.

### 3. Whiteboard Session Bersama Amazon Web Services (AWS)

07/11/2024 (KHAMIS)



Pada 7 November 2024, wakil CTSB yang diketuai oleh CTO Ts. Arina Ramlee menghadiri sesi Whiteboard Session bersama Team AWS di Pejabat Utama AWS Malaysia, Mid Valley City, Kuala Lumpur. Sesi ini melibatkan perkongsian oleh Ts. Arina dan Azwan mengenai teknologi dan aplikasi yang dibangunkan untuk PBT. Wakil AWS, En Faruq, turut memberi panduan untuk menggunakan AWS sebagai platform hos aplikasi. Sesi ini memperkukuh pemahaman teknologi dan perancangan strategik antara kedua-dua pihak.

### 4. Lawatan Kolej Komuniti Pasir Gudang ke Cybersolution Technologies 11/11/2024 (ISNIN)

Pelajar Sijil Teknologi Maklumat Kolej Komuniti Pasir Gudang mengadakan lawatan akademik ke CTSB. Lawatan ini bertujuan memberi pendedahan tentang perkembangan Industri Digital, Robotik, AI, dan Cloud Computing. Pelajar juga berpeluang melihat persekitaran kerja sebenar di syarikat bertaraf antarabangsa. Turut diadakan perbincangan kolaborasi untuk memperkukuh kerjasama dan merancang program masa depan.



### 5. Seminar Kebangsaan PBT Malaysia Siri 2 di Melaka

11/11/2024 (ISNIN)



Seminar ini telah berlangsung pada 11 November 2024 di Hotel Hatten Melaka. Ia membincangkan strategi inovatif dan teknologi terkini untuk meningkatkan kecekapan serta hasil PBT. Sesi menarik termasuklah pembentangan panel perbincangan, dan topik seperti pembangunan ekonomi lestari serta sistem digital. Seminar ini memberi peluang kepada peserta bertukar pandangan dan inspirasi. Syarikat kami turut serta sebagai pempamer, memperkenalkan penyelesaian inovatif kepada wakil PBT. Penyertaan ini membuka peluang jaringan strategik dan menyokong transformasi PBT.

## 6. Sesi Latihan Naiktaraf Sistem EPBT 3.0 di Majlis Perbandaran Kluang

17/11/2024 (AHAD)



Sesi Latihan Modul Aset Tak Alih ini telah dijalankan di Majlis Perbandaran Kluang (MPK) selama 5 hari iaitu daripada 17/11/2024 sehingga 21/11/2024. Naiktaraf tersebut merangkumi Modul Kewangan dan Modul Hasil yang telah diguna pakai oleh MPK. Sesi ini dihadiri oleh Pegawai IT dan Pegawai daripada jabatan pengguna.

## 7. Mesyuarat Integrasi Bersama JUPEM di Majlis Daerah Tangkak

27/11/2024 (RABU)



Satu mesyuarat telah diadakan selama satu hari pada 27/11/2024 bagi membincangkan kerja-kerja integrasi bersama Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) di Majlis Daerah Tangkak (MDT). Perbincangan memfokuskan kepada kerjasama teknikal dalam pemetaan dan pengurusan data geospasial. Mesyuarat ini bertujuan untuk memperkukuh integrasi sistem bagi meningkatkan kecekapan operasi. Mesyuarat ini dihadiri oleh beberapa wakil CTSB JB iaitu Azwan Ahmad, Suhana, Ikhwan, dan Fyqa.

## 8. Majlis Perpisahan Law Boon Kiat

28/11/2024 (KHAMIS)



Majlis perpisahan Boon Kiat telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas sumbangannya di CTSB bersama Project Department. Boon Kiat telah bersama CTSB sejak bulan Jun 2024 dengan bermula sebagai Data Analyst. Majlis jamuan hi-tea telah diadakan dan yang turut disertai oleh team yang berkaitan. Kami mengucapkan semoga maju jaya di tempat baru.